

Mustafa: Penglibatan Siddiq secara individu

Tidak perlu siasatan di kalangan ahli UMNO

KUALA LUMPUR, Jumaat — Ibu pejabat UMNO Malaysia hari ini menegaskan tidak perlu diadakan penyiasatan rapi di kalangan anggota UMNO dalam Bahagian Sungai Petani, berikutan Timbalan Ketua Bahagian itu, Siddiq Ghouse terlibat dengan kegiatan agen Polis Rahsia Soviet (KGB).

Setlusaaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar menegaskan, penglibatan Siddiq dengan KGB adalah secara individu, tidak diketahui oleh sesapa melainkan dirinya sendiri.

"Pada hemat saya, UMNO Sungai Petani tidak ada ape-ape hubungan dengan kegiatan KGB," katanya. Jawatankuasa UMNO Bahagian Sungai Petani dalam mesyuarat khasnya baru-baru ini meminta Kerajaan menjalankan siasatan rapi dan menyeluruh di kalangan anggota UMNO bahagian tersebut bagi memastikan tidak ada lagi sebarang agen atau pembantu pengintip dalam bahagian itu. Ketua Bahagian berkenaan, Haji Mohamad Muslim Othman berkata, Jawatankuasa Bahagian juga meminta Majlis Tertinggi UMNO (MT) memecat Siddiq Ghouse sebagai anggota parti.

Melanggar disiplin

Senator Datuk Haji Mustafa berkata, Siddiq Ghouse kemungkinan besar akan dipecat dari parti, kerana kegiatannya itu melanggar Perlembagaan UMNO.

Beliau telah membawa perkara itu kepada pengetahuan pucuk pimpinan UMNO. Katanya lagi, kedudukan Siddiq Ghouse akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Disiplin Parti selepas Hariraya Puaas nanti.

Tegas Datuk Haji Mustafa, besar kemungkinan Jawatankuasa Disiplin itu mengambil tindakan memecat Siddiq Ghouse memandangkan kesalahan yang dilakukannya itu sangat acrius kepada keselamatan negara.

Jawatankuasa itu kini dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Datuk Haji Mustafa membayangkan kemungkinan Jawatankuasa Disiplin itu disusun semula selepas Hariraya ini dengan peralantikan pengerusi baru.

Penyusunan semula itu mungkin dibuat dalam mesyuarat pertama Majlis Tertinggi UMNO yang baru selepas Hariraya ini.

Menyentuh tentang KGB, Datuk Haji Mustafa berkata, sesapa sahaja yang sanggup menjulakan rahsia negara dan kerajaan adalah merbahaya dan mesti diambil tindakan.

Katanya lagi, "masalah ini tidak boleh ditunggu-tunggu atau agak-agak, kerana ia amat merbahaya kepada keselamatan negara dan rakyat."

Datuk Haji Mustafa yakin, pihak polis akan mengambil tindakan terus menerus bagi menjalankan penyiasatan atas kegiatan rakyat negara ini terhadap KGB atau lain-lain pertubuhan seumpamanya.

"Saya percaya sebarang kegiatan seumpama ini yang dilakukan oleh sesapa jua sama ada ahli politik ataupun ahli profesional dan lain-lain orang, lambat laun akan dapat diberkas oleh pihak polis," katanya lagi.

Datuk Haji Mustafa menyokong penuh seruan Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar supaya sesapa yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama itu segera menyerah diri supaya nasib mereka dapat dipertimbangkan demi keselamatan negara dan rakyat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia